

ANM(T)81/10/6/10JLD.V( 4 )

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Cawangan Jabatan Akauntan Negara



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BIL. 4 TAHUN 2006**

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan :-

- 1.1 Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan 2006 oleh Kementerian/Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Akaun Awam Persekutuan bagi tahun kewangan 2006.
- 1.2 Implikasi yang akan dihadapi oleh Kementerian/Jabatan jika tidak mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN

Tarikh penyerahan dokumen kewangan kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2006 yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:-

<b><u>BULAN</u></b>	<b><u>JENIS DOKUMEN KEWANGAN</u></b>	<b><u>TARIKH AKHIR SERAHAN</u></b>
Disember 2006	Baucar Bayaran Manual	15 Disember 2006
	Dokumen Kewangan eSPKB	22 Disember 2006
Januari 2007 (AKB)	<b><u>Dokumen manual:</u></b>	
	Waran Peruntukan	8 Januari 2007
	Baucar Bayaran	12 Januari 2007
	Baucar Bayaran Kuiri	22 Januari 2007
	<b><u>Dokumen eSPKB:</u></b>	
	Penyata Pemungut	8 Januari 2007
	Waran Peruntukan	26 Januari 2007
	Baucar Bayaran	22 Januari 2007
	Baucar Jurnal	26 Januari 2007

### 3. IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMATUHI TARIKH-TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN

- 3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/bekalan yang diterima dalam tahun 2006 tetapi tidak sempat diserahkan baucar bayarannya sebelum tarikh yang telah ditetapkan perlu dicaj kepada Vot Tahun 2007. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum bayaran boleh diluluskan.
- 3.2 Semua dokumen kewangan eSPKB yang diluluskan oleh Kementerian/Jabatan selepas tarikh yang telah ditetapkan akan ditolak/dikuiri oleh sistem. Baucar bayaran yang telah ditolak/dikuiri perlu diproses semula oleh Kementerian/Jabatan bagi membolehkan bayaran dibuat dalam tempoh AKB atau dalam tahun kewangan 2007 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

- 3.3 Walaubagaimana pun, Pejabat Perakaunan adalah dibenarkan untuk menggunakan budi bicara dalam menerima dokumen kewangan secara manual yang dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan selepas tarikh yang telah ditetapkan dengan syarat dapat diproses/dibayar dan dicaj kepada Vot Tahun 2006.

#### 4. PENUTUP

4.1 Semua Kementerian/Jabatan diminta merancang lebih awal bagi mengelakkan penyerahan dokumen kewangan pada saat terakhir bagi memastikan semua urusan waran, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2006 tidak terganggu.

4.2 Pejabat Perakaunan hendaklah mematuhi tarikh terakhir penyerahan dokumen kewangan dengan mengambilkira beban tugas dan keupayaan pejabat masing-masing.

4.3 Pejabat Perakaunan adalah dibenarkan untuk menolak dokumen kewangan dari Kementerian/Jabatan selepas tarikh yang ditetapkan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua baucar yang teratur dan telah diterima selewat-lewatnya pada tarikh akhir yang ditetapkan dapat diproses/dibayar dan dicaj ke Vot Tahun 2006.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***“Integriti Teras Kecemerlangan Organisasi”***

**(DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD)**  
Akauntan Negara Malaysia

Oktober 2006

s.k Ketua Audit Negara